

WANITA SEBAGAI PEMBUAT DASAR



Info

**Wanita sebagai pembuat dasar**

- **Malaysia** berada pada tangga ketiga di Asia Tenggara yang mempunyai wanita sebagai ahli lembaga syarikat.
- **Lebih** 500 syarikat PLC Bursa Saham masih tidak mempunyai ahli lembaga pengarah wanita.
- **Lebih** 1,000 wanita dilatih di bawah Program Pengarah Wanita.

Rohani berbual bersama sebahagian pengerusi, ketua pegawai eksekutif dan ahli lembaga pengarah selepas sesi pertemuan di Saloma Bistro MaTIC, semalam.

## PLC kena penuhi kuota sebelum 2018

➔ Peratusan ahli lembaga pengarah wanita dalam syarikat senarai awam masih rendah

Oleh Syalikhah Sa'idi  
syalikhah@bh.com.my

Kuala Lumpur

**P**eratusan wanita sebagai ahli lembaga pengarah yang tersenarai dalam syarikat senarai awam (PLC) berdasarkan modal pasaran Bursa Malaysia hampir mencapai sasaran, tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata kedudukan wanita di PLC mencapai 17.9 peratus iaitu hampir dengan sasaran yang ditetapkan kerajaan iaitu sebanyak 18 peratus.

Katanya, jumlah itu adalah petunjuk bagi mengukur pencapaian wanita sebagai pembuat keputusan dalam sektor terbabit.

"Wanita adalah aset syarikat yang mampu melonjakkan pembangunan ekonomi negara.

"Statistik Bursa Malaysia menunjukkan 22 daripada 100 senarai dalam PLC tidak mempunyai seorang pun wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat.

"Ini menggambarkan jumlah peratusan masih rendah dan belum

Fakta nombor

17.9  
PERATUS

kedudukan wanita di PLC buat masa ini

30  
PERATUS

wanita sebagai ahli lembaga pengarah menjelang 2020

mencapai sasaran 30 peratus seperti yang ditetapkan kerajaan, pada 2011.

"Memandangkan masih ada sebilangan besar PLC di Bursa Malaysia masih belum mencapai sasaran itu, kerajaan memberi tempoh sehingga 2020 supaya melantik wanita sebagai ahli lembaga pengarah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi pertemuan bersama pengerusi, ketua pegawai eksekutif ahli lembaga pengarah PLC di Saloma Bistro Pusat Pelancongan Malaysia (MaTIC) di sini, semalam.

### Kembangkan potensi

Rohani berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak juga sudah mengumumkan menjelang 2018 kerajaan akan 'menamakan dan memalukan' (name and shame) syarikat PLC Bursa Malaysia yang masih belum mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai ahli lembaga pengarah dalam syarikat masing-masing.

"Terdapat beberapa cadangan bagi mencapai matlamat itu antaranya program mentor yang juga bertindak sebagai sesi perkongsian antara mentor dan mentee bagi

mengembangkan potensi.

"Ia juga diharapkan menjadi sesi meluaskan rangkaian antara calon wanita yang berkelayakan bersama tokoh korporat lain," katanya.

### Umum MCCG

Beliau berkata, bagi memastikan dasar itu tercapai, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengumumkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) pada April lalu.

"Lembaga syarikat perlu menyatakan dengan jelas dalam laporan tahunan mengenai polisi diversiti gender, sasaran syarikat dan langkah mencapai sasaran terbabit.

"Bagi syarikat besar, lembaga pengarah perlu mempunyai 30 peratus wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat.

"Kita juga menggalakkan satu posisi diwujudkan bagi menerima kemasukan wanita berpotensi ke dalam ahli lembaga pengarah sekiranya jawatan syarikat sudah penuh," katanya.

Selain itu, PLC perlu memastikan 106 wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dalam senarai tertinggi PLC berdasarkan modal Bursa Malaysia menjelang 2020.